

Soalan No: 50

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 25.10.2017

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengawal selia sekolah-sekolah dan asrama-asrama termasuk tahfiz untuk mengelakkan berlakunya tragedi seperti mana di sekolah Sekolah Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah dan Maahad Tahfiz Yayasan As Sofa baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab memastikan setiap sekolah di bawah kawalan KPM sentiasa berada dalam keadaan selamat. Semua sekolah dan asrama yang dibina di seluruh negara adalah menepati piawaian yang ditetapkan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 melalui inisiatif berkaitan dengan infrastruktur sekolah juga telah mengambil kira tentang pentingnya kemudahan sekolah menepati piawai KPM.

KPM sentiasa memastikan semua sekolah di bawah KPM termasuk semua sekolah agama yang berdaftar mematuhi aspek keselamatan bangunan dan persekitaran sekolah. Sekolah-sekolah yang berdaftar dikehendaki membuat penarafan keselamatan sekolah secara sendiri

melalui aplikasi atas talian Sistem Penarafan Keselamatan Sekolah sebanyak dua kali dalam setahun iaitu pada bulan April dan Ogos.

Program Keselamatan, Kesihatan dan Keceriaan (3K) dilaksanakan sebagai inisiatif untuk meningkatkan keselamatan, kesihatan dan keceriaan sekolah. Program 3K meliputi Program Sekolah Selamat, Program Kesihatan dan Kebersihan serta Program Keceriaan dan Keindahan Sekolah. Di samping itu, adalah menjadi tanggungjawab semua guru dan murid untuk menyampaikan maklumat mengenai sebarang kecacatan atau ketidaksempurnaan yang boleh mengancam keselamatan warga sekolah. Sebarang permasalahan yang timbul akan diatasi oleh Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri atau KPM dari semasa ke semasa berdasarkan laporan yang diterima daripada pihak sekolah.